

KEMAMPUAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN
KHAS BAGI PELAJAR CACAT PENDENGARAN (PEKAK)
DALAM PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA POLITEKNIK

SITI ASMIZA BT MUZAFAR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00085556 3

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : KEMAMPUAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN
KHAS BAGI PELAJAR CACAT PENDENGARAN (PEKAK)
DALAM PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN : 2003 / 2004

Saya SITI ASMIZA BINTI MUZAFAR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis *~~Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah~~ ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara intitusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah Keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Amiza
(TANDATANGAN PENULIS)

[Signature]
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

402 B RUMAH KERAJAAN MARAN,
26500 MARAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

PROF. MADYA DR WAN MOHD RASHID
B. WAN AHMAD
(Nama Penyelia)


TARIKH: 14 / FEB / 2004

TARIKH: 14 / FEB / 2004

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan :



.....

Nama Penyelia :

PROF. MADYA DR WAN MOHD RASHID B. WAN AHMAD

Tarikh :

14 FEBRUARI 2004

KEMAMPUAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS BAGI PELAJAR CACAT
PENDENGARAN (PEKAK) DALAM PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA
POLITEKNIK


SITI ASMIZA BT MUZAFAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI 2004

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : SITI ASMIZA BT. MUZAFAR

Tarikh : 14 FEBRUARI 2004

DEDIKASI***Teristimewa Buat:***

Ayah dan emak

Muzafar b. Haron

&

Siti Zainab bt. Umar

Adik-adik

Asadi Zafran b. Muzafar

Nazihah bt. Muzafar

&

Zatul Itri bt. Muzafar

Serta

Mohd Redzza b. Masnon

Terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang dihulurkan.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya, dapat saya menyiapkan laporan projek sarjana ini.

Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah pembimbing, Prof. Madya Dr Wan Mohd Rashid b. Wan Ahmad yang banyak menghulurkan bantuan dan pandangan. Segala nasihat dan bimbingan akan dijadikan panduan yang berharga buat pengkaji.

Tidak lupa juga kepada En Kamaruddin b Mohd Tamin, Pensyarah Mekanikal dan Cik Suaiza bt Khairi Pensyarah Pendidikan Khas, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang sanggup meluangkan masa serta membantu pengkaji mendapatkan maklumat serta data-data yang diperlukan untuk menyiapkan laporan projek ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara tidak langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini terutamanya pelajar-pelajar Sarjana Seksyen 3 Sessi 2002/2004.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen kesediaan dan keperluan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh pensyarah dan pelajar dalam menjayakan Program Pendidikan Khas bagi pelajar cacat pendengaran di politeknik. Kajian ini juga untuk mengenalpasti pengartikulasian dalam sijil dan diploma politeknik yang sebenar kepada pelajar cacat pendengaran. Seramai 50 orang pensyarah yang terdiri dari tiga buah politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Johor Bahru (PJB) yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen soal selidik dan temubual digunakan bagi mendapatkan data dan dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan nilai skor min dan nilai peratusan. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya kemudahan dan peralatan yang disediakan untuk golongan pelajar khas ini mencukupi manakala tenaga pengajar program ini masih perlu meningkatkan lagi kemahiran untuk berkomunikasi dengan pelajar pendidikan khas dan seterusnya melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tiada pengartikulasian antara sijil serta diploma politeknik dan sijil pendidikan khas politeknik. Oleh itu, kurikulum pendidikan khas disarankan supaya disemak semula untuk memberi peluang kepada pelajar pendidikan khas meningkatkan kemahiran dan kelayakan mereka.

ABSTRACT

This research was done to determine the element of readiness and teaching and learning facilities needed by the lecturers and students to accomplish their educational programme. It is also to identify element of articulation if any, between normal certificate as well as diploma level and special education certificate for hearing-impaired students. A total of 50 lecturers who were involved in this programme were selected from Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) and Politeknik Johor Bahru (PJB) as a research respondent. Questionnaires and interviews used as instruments to collect the appropriate data and the results were analysed by using SPSS to obtain the mean scores and the percentages of the value. The findings showed that accommodation and equipment supplied for special students are enough and relevant. Nevertheless, the lecturers involved need to improve in special skills to communicate with the students so that the process of teaching and learning will run smoothly. The study also shows that there is no possible articulation between normal certificate as well as diploma level and the Special Education Programme certificate. Thus, it is suggested that curriculum for Special Education Programme need to be reviewed to enable Special Education Programme students' to acquire higher skills and qualification.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pendidikan Khas	4
1.2	Latar Belakang Masalah	7
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Objektif Kajian	11
1.7	Skop Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Kerangka Teori	13
1.11	Definisi Istilah	15
1.12	Rumusan	16

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Senario Pendidikan Khas	17
2.1.1	Peranan Guru-Guru Khas	19
2.1.2	Latihan Profesional Bagi Guru-Guru Khas	21
2.1.3	Peralatan Dan Kemudahan Pendidikan Khas	22
2.2	Program Pendidikan Masalah Pendengaran	24
2.3	Program Pendidikan Percantuman (Bersepadu)	25
2.4	Keperluan Psikososial Yang Asas	27
2.5	Keperluan Psikososial Yang Khas	28
2.6	Masalah-Masalah Guru Pendidikan Khas	30
2.7	Rumusan	36

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan Kepada Metodologi	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi Kajian	40
3.4	Sampel Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	41
	3.5.1 Soal Selidik	42
	3.5.2 Temubual	44
3.6	Kerangka Operasi	45
3.7	Pengumpulan Data	47
3.8	Analisis Data	49
3.9	Rumusan	51

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	52
4.2	Bilangan Responden	53
4.3	Analisis Bahagian A : Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia)	54
	4.3.1 Kepakaran Sumber Manusia	55
4.4	Analisis Bahagian B : Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan)	59
	4.4.1 Kemudahan Dan Peralatan	60
4.5	Analisis Bahagian C : Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas	65
	4.5.1 Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik	65
4.6	Rumusan	69

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Realiti Program Pendidikan Khas Di Politeknik	71
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	71
5.2.1	Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia)	72
5.2.2	Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan)	74
5.2.3	Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas	74
5.3	Rumusan Dan Cadangan	75
5.3.1	Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia)	77
5.3.2	Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan)	80
5.3.3	Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas	81
5.3.4	Lain-lain Cadangan	83
5.3.5	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	83

BIBLIOGRAFI		85
--------------------	--	-----------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tafsiran Min	50
4.1	Bilangan Responden Dan Jabatan Yang Terlibat	53
4.2	Skala Dan Keputusan Analisis	54
4.3	Tahap Kecenderungan	54
4.4	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia)	57
4.5	Peraturan Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia) Mengikut Item	59
4.6	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan)	62
4.7	Peraturan Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan) Mengikut Item	64
4.8	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas	67
4.9	Peraturan Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas Mengikut Item	69

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	14
3.1	Kerangka Operasi Bagi Kajian Yang Dijalankan	46
3.2	Proses Pengumpulan Data	48
4.1	Skor Min Elemen Kesediaan (Kepakaran Sumber Manusia)	58
4.2	Skor Min Elemen Keperluan (Kemudahan Dan Peralatan)	64
4.3	Skor Min Pengartikulasian Sijil Dan Diploma Politeknik Dalam Program Pendidikan Khas	68

SENARAI SINGKATAN

IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PJB	-	Politeknik Johor Bahru
PSA	-	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
PUO	-	Politeknik Ungku Omar
P & P	-	Pengajaran dan pembelajaran
P/PK	-	Pensyarah khas
P/PT	-	Pensyarah teknikal

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	90
B	Soalan Temubual	102
C	Analisis Deskriptif Skor Min Dan Sisihan Piawai	104
D	Analisis Kekerapan Dan Peratusan	108

BAB I

PENDAHULUAN

Pada abad ini, perkembangan pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesat sekali. Keadaan ini berlaku disebabkan perkembangan negara dalam bidang ekonomi dan perindustrian yang begitu menggalakkan. Untuk memenuhi permintaan tenaga profesional dan tenaga buruh memerlukan pendidikan. Oleh itu, tidak hairanlah jika kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk pendidikan pada setiap kali pengumuman belanjawan negara. Dalam alaf baru ini, tuntutan dalam pendidikan akan berganda dalam pelbagai bidang. Ini kerana pendidikan merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia di atas muka bumi ini di mana pendidikan adalah salah satu kayu pengukur kejayaan seseorang dan merupakan jaminan kepada kehidupan yang harmoni.

Pendidikan tidak mengira peringkat umur, tidak menetapkan tempat dan masa. Setiap tika yang berdetik, sama ada kita sedar atau tidak, proses pendidikan sentiasa terjadi di sekeliling kita. Hanya yang membezakan sesuatu pendidikan itu ialah bentuknya sama ada secara formal atau tidak formal. Setiap manusia inginkan kesempurnaan sama ada fizikal, rohani atau mental dan tidak ada yang berkemahuan kecacatan pada diri sendiri.

Namun begitu, tidak semua pendidikan dapat dinikmati secara sama rata. Terdapat golongan istimewa yang memerlukan pendidikan khas seperti kanak-kanak yang mengalami masalah perkembangan mental, fizikal dan menghadapi risiko yang tinggi bagi menjaga dan mendidiknya. Mohd Salleh Lebar (1998) menyatakan bahawa anak-anak yang berisiko tinggi ialah kanak-kanak yang menghadapi kecacatan fizikal, sosial dan mental. Golongan ini dianggap golongan yang istimewa kerana ibu bapa dan guru terpaksa memberi tumpuan yang lebih sedikit daripada kanak-kanak biasa. Antaranya ialah yang mengalami penyakit terencat akal, spastik, kecacatan penglihatan, masalah pendengaran, hiperaktif dan lain-lain lagi. Namun begitu, mereka menghadapi serba kekurangan tetapi dalam masa yang sama mereka juga mempunyai potensi tertentu untuk berjaya dan bahagia dalam hidup.

Kanak-kanak cacat pendengaran lebih tepat dikatakan sebagai seorang yang rosak pendengaran kerana dalam kebanyakan contoh ia mempunyai pendengaran separa. Dia adalah luar biasa kerana memang ia tidak dapat bertindak ke atas bunyi-bunyi di sekelilingnya. Kadangkala disebabkan seorang kanak-kanak pekak itu tidak dapat bertindak ke atas arahan-arahan lisan daripada ibu bapanya maka ia telah disalah anggap sebagai kanak-kanak terencat akal ataupun sebaliknya (Chua & Koh, 1992). Masalah pendengaran terbahagi kepada dua iaitu pekak dan separuh pekak. Pekak juga boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pekak deria saraf dan konduktif. Pekak deria saraf adalah berpunca di bahagian telinga dalam atau saraf pendengaran manakala jenis konduktif ialah kerosakan bahagian telinga tengah dan luar. Sebenarnya orang yang bermasalah pekak tidak mengalami kerencatan akal (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Keadaan pekak itu pula boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu pekak aliran di mana getaran-getaran tidak sampai ke bahagian dalam telinga. Kehilangan pendengaran seperti ini biasanya tidak tenat dan penggunaan alat dengar pengaliran tulang selalunya boleh memulihkan pendengaran yang rosak itu. Manakala, pekak pengamatan adalah kehilangan pendengaran pengamatan atau saraf deria lebih tenat dan ini disebabkan oleh kerosakan bahagian dalam telinga atau kecacatan saraf telinga yang memancarkan utusan kepada otak. Ini biasanya akan mempengaruhi

kekerapan lebih tinggi daripada yang lain. Dalam kepekakan pusat pula organ pendengar berjalan dengan betul akan tetapi sistem urat saraf pusat tidak bergerak dengan betul atau cedera. Psikogenik adalah satu keadaan bila mana organ-organ penerimaan termasuk urat saraf pusat berjalan dengan betul tetapi kanak-kanak yang menghidapnya tidak mendengar apa-apa oleh kerana gangguan emosi yang terpendam (Chua & Koh, 1992).

Ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang cacat pendengaran tidak menjadi masalah kerana kini terdapat 57 buah sekolah biasa termasuk di semua negeri. Di samping itu, terdapat juga sekolah-sekolah khas iaitu di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan juga Kuching. Dengan kepakaran yang cukup pada guru-guru keperluan khas, kanak-kanak bermasalah dalam pendengaran tidak akan diabaikan begitu sahaja. Jika dilatih dengan kaedah yang betul mereka boleh berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya dan juga masyarakat walaupun tidak sepenuhnya. Dengan cara tersebut mereka dapat mensosialisasikan dirinya setakat yang mereka mampu (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Sungguhpun begitu, kanak-kanak istimewa ini tetap memerlukan pendidikan. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan peluang dan perkhidmatan pendidikan bagi kanak-kanak yang berkeperluan khas ini. Walaupun mereka kekurangan dari satu sudut tetapi mereka mempunyai kelebihan yang mungkin tidak dipunyai oleh mereka yang normal. Seperti yang diketahui, golongan istimewa ini mempunyai kebolehan yang luar biasa contohnya dalam bidang teknik dan vokasional jika diberi peluang untuk mencubanya. Dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka peluang kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke politeknik terutamanya dalam bidang teknik dan vokasional. Ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran tertentu.

1.1 Pendidikan Khas

Pendidikan khas bagi pelajar yang cacat pendengaran bukanlah merupakan fenomena baru di Malaysia. Sekolah pertama yang ditubuhkan di negara ini ialah pada tahun 1954 iaitu Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang yang ditubuhkan oleh Lady Templer, Dr. Ried, Cik Joyce Hickers dan juga dibantu oleh beberapa pekerja sosial. Manakala di Johor Bahru pula, Sekolah Temenggong Abdul Rahman dibuka sepuluh tahun kemudian iaitu pada tahun 1964. Pelopornya adalah D. Sona Dev yang juga merupakan seorang guru khas (Ahmad Salleh, 1980).

Pendidikan khas merujuk pada pendidikan bagi kanak-kanak luar biasa iaitu kanak-kanak dari segi intelek, fizikal, sosial atau emosi tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa hinggalah mereka tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada rancangan sekolah biasa. Kanak-kanak luar biasa adalah seperti kanak-kanak yang cacat penglihatan, cacat pendengaran, terencat akal, cacat fizikal dan termasuklah kanak-kanak pintar cerdas (Chua & Koh, 1992).

Satu perundangan yang diberi nama *Carl D. Perkins Vocational and Act 1990* di Amerika Syarikat mengkehendaki sesuatu jaminan diberikan kepada kejayaan pelajar-pelajar khas. Jaminan-jaminan ini termasuklah penyesuaian kurikulum, kaunseling pembangunan kerjaya, penilaian terhadap minat mereka, keupayaan, keperluan khas dan perkhidmatan lain untuk memudahkan peralihan pelajar-pelajar ini ke alam pekerjaan atau pendidikan yang lebih tinggi (Kraska, 1996). Senario yang berlaku di Amerika Syarikat lebih kurang sama apa yang berlaku di negara kita. Jaminan kejayaan kepada pelajar-pelajar pendidikan khas khususnya pelajar cacat pendengaran tetap ada. Mereka diberi peluang untuk cemerlang di dalam pendidikan di peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Untuk menjamin kejayaan ini, kerajaan telah mengambil langkah melaksanakan Program Pendidikan Khas (Porter, 1988).

Terdapat 31 buah Sekolah Pendidikan Khas di seluruh negara. Bilangan itu tidak termasuk program integrasi yang diwujudkan di beberapa sekolah rendah dan menengah harian di samping program inklusif. Program inklusif ini hanya membabitkan kanak-kanak keperluan khas yang menunjukkan kemajuan khusus dalam akademik. Melalui program ini, kanak-kanak keperluan khas akan ditempatkan dalam satu kelas bersama kanak-kanak normal lain di sekolah menengah teknik dan vokasional serta berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memberi peluang kepada semua kanak-kanak tanpa mengira batasan fizikal dan mental (Berita Harian, 9 Julai 2001).

Kementerian Pendidikan meluluskan empat Sekolah Vokasional Pendidikan Khas di seluruh negara yang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dengan menelan belanja sebanyak RM29.8 juta. Setiap sekolah yang akan dibina boleh menampung antara 300 hingga 350 kanak-kanak pendidikan khas dalam semua aspek. Langkah kerajaan ini membina lebih banyak Sekolah Pendidikan Khas bertujuan untuk memberi peluang pendidikan yang sama dengan kanak-kanak normal lain (Berita Harian, 29 Jun 2001).

Secara amnya, Program Pendidikan Khas di Malaysia dilaksanakan melalui empat program yang dikendalikan secara khusus oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, program bersama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kebajikan Malaysia dan Program Pendidikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program-program tersebut adalah:

- i. Kementerian Pendidikan Malaysia
 - a) Program Pendidikan Masalah Penglihatan
 - b) Program Pendidikan Masalah Pendengaran
 - c) Program Pendidikan Percantuman
 - d) Program Pendidikan Inklusif

- ii. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kebajikan Masyarakat
 - a) Program kanak-kanak cacat / terencat akal

- iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - a) Program Pemulihan di Institusi
 - b) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) (Chua & Koh, 1992)

Di samping itu juga Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menghadkan Program Pendidikan Khas berakhir di peringkat menengah sahaja ianya perlu diteruskan sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi lagi apabila golongan istimewa ini diberi peluang memasuki bidang teknik dan vokasional yang menyediakan kursus tertentu untuk diceburi mereka dan antara peluang dan tempat yang disediakan oleh kerajaan bagi golongan berkeperluan khas ini adalah seperti:

- i. Politeknik Johor Bahru, Johor
 - a) Jabatan Hospitaliti dan Fesyen yang memfokuskan kepada Kemahiran Khas Fesyen dan Pakaian dan Kemahiran Khas Hotel dan Katering
 - b) Jabatan Rekabentuk yang memberikan tumpuan kepada Kemahiran Khas Rekabentuk Grafik

- ii. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor
 - a) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang memberikan Kemahiran Khas Penyelenggaraan Mekanikal

- iii. Politeknik Ungku Omar, Perak
 - a) Jabatan Kejuruteraan Awam yang memberikan tumpuan kepada Kemahiran Khas Kejuruteraan Awam Pembinaan (Berita Harian, 9 Julai 2001).